



Bisnes

Pengarang: Nasharuddin Muhammad

Tel: 1300-22-6787 smpb 4918

@bisnesHM

Email: bisnes@metro.com.my



FGV LEBAR SAYAP

■ Teroka peluang bekal, edar produk minyak sawit ke pasaran China

Sri Ayu Kartika Anni
kartika@metro.com.my

Kuala Lumpur

FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) terus menerokai peluang membekal dan mengedarkan produk minyak sawit ke pasaran pertengahan dan hiliran di China apabila menandatangani memorandum perseltahan (MoU) dengan *Sinograin Oil Corporation* (Sinograin).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Datuk Zakaria Atshad berkata, China adalah pasaran minyak sawit mentah (MSM) ketiga terbesar kumulatif itu dengan kapasiti eksport 308,040 metrik tan pada 2016.

Beliau berkata, Sinograin mempunyai akses kepada 'soft oil' (selain minyak sawit dan kelapa) seperti kacang soya dan rapeseed manakala FGV mempunyai akses kepada lebih tiga juta tan minyak sawit.

"Sinograin juga mempunyai fasiliti penyimpanan

“FGV juga berpeluang untuk mengintegrasikan anak syarikat sedia ada FGV China Oils Ltd (FGVCO) di Dongguan, Guangdong dengan operasi domestik Sinograin”

Zakaria Atshad

minyak boleh dimakan dan minyak bijirin, pemrosesan dan rangkaian pengedaran bertaraf dunia di China manakala FGV mempunyai fasiliti dalam pengeluaran, kilang, penapisan dan penyimpanan minyak sawit bertaraf dunia di Malaysia dan Indonesia.

"Kami mahu mengembangkan pemagaan di China dan percaya FGV serta Sinograin akan memenuhi keperluan masing-masing," katanya pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), di sini, semalam.

Menurutnya, menerusi MoU itu, pihaknya berharap



untuk mengembangkan lagi rangkaian pengedaran dan logistik di China menerusi pelbagai fasiliti penyimpanan, pemrosesan dan pengeluaran strategik Sinograin.

Katanya, pihaknya turut menyasarkan peningkatan sekali ganda bagi eksport minyak sawit ke China menerusi MoU berkenaan.

Beliau berkata, FGV juga berpeluang untuk mengintegrasikan anak syarikat sedia ada FGV China Oils Ltd (FGVCO) di Dongguan, Guangdong dengan operasi domestik Sinograin untuk mencipta nilai tambah dan penjimatan kos kepada kedua-dua pihak.

"Kerjasama ini juga akan membolehkan FGV menerokai pengembangan bahagian hiliran dalam pembejalan, pemprosesan, pembungkusan dan pengedaran minyak dicampur, lemak dan lemak khusus bersama Sinograin," katanya.

Sinograin adalah anak syarikat milik penuh *China Grain Reserves Corporation*, organisasi milik kerajaan China khusus untuk mengekspansi dan menguruskan rizab bilian dan minyak serta mempunyai fungsi integrasi untuk membeli, menyimpan, mengangkut, memproses dan mendagangkan.

Sebagai pengguna minyak sawit ketiga terbesar dunia, China menggunakan 5.05 juta metrik tan minyak sawit pada 2016 berbanding hanya 2.02 juta metrik tan pada 2001.

Jangkaan penggunaan minyak sawit akan terus meningkat dipacu oleh peningkatan populasi dan perubahan dalam gaya kehidupan yang menjurus ke arah permintaan terhadap minyak boleh dimakan yang lebih sihat.

KDNK dirangsang sektor pembuatan

Kuala Lumpur: Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku pertama Malaysia dijangka mendapat rangsangan daripada sektor pembuatan, kata Standard Chartered Research.

Firma penyelidikan itu berkata, Jabatan Perangkaan akan mengeluarkan data suku pertama KDNK pada 19 Mei ini.

"Kami mengunjurkan pertumbuhan KDNK pada 4.9

peratus tahun ke tahun, lebih tinggi berbanding 4.5 peratus yang dicatatkan pada suku keempat 2016," kata firma itu dalam satu nota penyelidikan, semalam.

Pertumbuhan pengeluaran perindustrian juga kukuh pada suku pertama dengan sektor pembuatan berkembang 5.6 peratus tahun ke tahun berbanding lima peratus pada suku keempat di-sokong permintaan kukuh

terhadap industri elektronik Eksport Malaysia turut meningkat pada awal 2017

berikutan permintaan kukuh di rantau ini, dipacu terutama daripada penambahan semula inventori China serta harga komoditi yang tinggi.

Begaimanapun, firma penyelidikan itu berkata, import negara mencatatkan pertumbuhan kukuh yang agak mengunjurkan berikutan

peningkatan import barangan modal yang membawa kepada pengedaran sedikit lebihan perdagangan, yang mungkin memberi kesan kepada pertumbuhan KDNK.

Firma itu juga menjangkakan inflasi indeks harga pengguna Malaysia (IHP) mungkin susut pada April. Jabatan Perangkaan akan mengeluarkan data IHP April pada 17 Mei. - BERNAMA

Chandran Rama Muthy
Ketua Pegawai Eksekutif Malindo Air

“Tambang menarik itu untuk penerbangan domestik ke Singapura, Australia, India, Indonesia, Thailand, Vietnam, Myanmar, Taiwan, Hong Kong, China, Sri Lanka, Bangladesh dan Nepal. Kami juga melancarkan jualan global secara serentak”



Perkenal Jazz Sports Hybrid



Honda Malaysia mendedahkan Jazz Sports Hybrid bagi pasaran Malaysia dan ia kemunculan suling model itu di peringkat dunia. Jazz Sport Hybrid bersama versi petrol 'facelift' bakal dilancarkan di Malaysia pada suku kedua tahun ini.

BURSA MALAYSIA

FBMKLCI	1,778.650	2,780
FBMT100	12,375.340	27,340
FBM70	15,383.780	63,870
FBMSCAP	17,741.240	59,830
FBMEMAS	12,747.190	29,090

TUKARAN ASING

JUALAN	BELIAN
1 Dolar AS	4.2710
1 Euro	4.6600
1 Dolar Singapura	3.0340
1 Pound Sterling	5.5090

Kaunter Untung

DLADY	58,900	0.640
PANAMY	36,440	0.540
IWCITY	2,130	0.490
LPI	18,700	0.460
HENGYUAN	4,830	0.420

Kaunter Aktif

IWCITY	2,130	0.490
DNEX	0.570	-0.055
GILOTEC	0.055	-0.005
NETX	0.085	-
DNEX-WD	0.290	-0.040

100 Yen Jepun	3.7450
100 Riyal Saudi	112.6100
100 Baht Thai	11.4600

100 Rupiah Indonesia	0.0308
100 Peso Filipina	8.4400